



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56

13hb Februari 2003

No. 4

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960
(Act 530)

No. 53.

(Seksyen 5)

PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR

(Section 5)

DECLARATION OF A RURAL SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan di dalam Jadual dan ditandakan dengan sempadan berwarna merah dalam Pelan *Warta* No. PW 703 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan sebagai Penempatan Luar Bandar. Kesemua atau mana-mana kawasan yang ditentukan hendaklah ditanam dengan jenis tanaman yang sesuai dan mengikut cara yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah Daerah dari masa ke semasa.

JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Juasseh. Nama Rancangan—FELCRA Kampung Temeris II. No. Pelan *Warta*—PW 703. Luas—316.4 hektar.

Bertarikh 20 Disember 2002.
[PTG. NS. 32/3/2/33 (Dupl).]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by section 5 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960, the State Authority declares the area described in the Schedule and delineated by red borders in *Gazette* Plan No. PW 703 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Negeri Sembilan to be a Rural Settlement Area. The whole or any specified part of that area shall be planted with such appropriate crop and in such manner as the District Land Administrator shall from time to time direct.

SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Juasseh. Name of Scheme—FELCRA Kampung Temeris II. *Gazette* Plan No.—PW 703. Area—316.4 hectares.

Dated 20 December 2002.
[PTG. NS. 32/3/2/33 (Dupl).]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

ENAKMEN RIZAB MELAYU
(N.M.B. Bab 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT
(F.M.S. Cap. 142)

No. 54.

(Seksyen 3(i))

PERISYTIHARAN KAWASAN PERIZABAN MELAYU

(Section 3(i))

DECLARATION OF A MALAY RESERVATION AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar, dengan persetujuan Raja Dalam Mesyuarat, mengisytiharkan tanah di Mukim Serting Ilir, Daerah Jempol seperti yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditanda dalam Pelan *Warta* No. PW 881 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan sebagai Kawasan Perizaban Melayu.

JADUAL

Negeri—Negeri Sembilan. Daerah—Jempol. Mukim—Serting Ilir. No. Pelan *Warta*—PW 881. Luas—8.094 hektar.

Bertarikh 12 Disember 2002.
[PTJL. 370/21.]

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA BIN
DATO' HAJI ABDUL SAMAD,
Menteri Besar,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar, with the approval of the Ruler In Council, hereby declares that the land in the Mukim Serting Ilir District of Jempol described in the Schedule and delineated upon in the *Gazette* Plan No. PW 881 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Negeri Sembilan to be a Malay Reservation Area.

SCHEDULE

Negeri—Negeri Sembilan. District—Jempol. Mukim—Serting Ilir. *Gazette* Plan No.—PW 881. Area—8.094 hectares.

Dated 12 December 2002.
[PTJL. 370/21.]

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA BIN
DATO' HAJI ABDUL SAMAD,
Menteri Besar,
Negeri Sembilan

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 55.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(a)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(a)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(a) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri melantik Encik Abu Bakar bin Hassan, Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M2 memangku Gred M1) sebagai Pengarah Tanah dan Galian dan Pendaftar Hakmilik Negeri Sembilan mulai 1 September 2002.

Bertarikh 20 Disember 2002.
[PTG. NS. P/815;
PTG. NS. 2/63 Klt. 6.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(a) of the National Land Code, the State Authority appoints Encik Abu Bakar bin Hassan, Administrative and Diplomatic Officer (Grade M2 acting Grade M1) to be the Director of Land and Mines and a Registrar of Title, Negeri Sembilan with effect from 1 September 2002.

Dated 20 December 2002.
[PTG. NS. P/815;
PTG. NS. 2/63 Klt. 6.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 56.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH-TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LANDS FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah seperti yang diperihalkan di dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Pam Kumbahan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Rembau. Pekan—Rembau. No. Pelan *Warta*—PW 1772. Luas—348 meter persegi.

Bertarikh 3 Disember 2002.
[PTR. 370/104/2002/03.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Sewerage Pump and designates that the Federal Land Commissioner shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Rembau. Village—Rembau. *Gazette* Plan No.—PW 1772. Area—348 square metres.

Dated 3 December 2002.
[PTR. 370/104/2002/03.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 57.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Dewan Orang Ramai (Dewan Merdeka) dan telah menetapkan bahawa Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

JADUAL

Daerah—Rembau. Pekan—Rembau. No. Pelan—PA 33953. No. Lot—5004.
Luas—11675 meter persegi.

Bertarikh di Seremban 30 Disember 2002.
[PTR: 352/108/86/01, PTGNS. 1/4/6/19K.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Community Hall (Merdeka Hall) and designates that the President of the District Council of Rembau shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Rembau. Village—Rembau. Plan No.—PA 33953. Lot No.—5004.
Area—11675 square metres.

Dated at Seremban 30 December 2002.
[PTR: 352/108/86/01, PTGNS. 1/4/6/19K.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 58.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Balairaya Kampung Jeram dan menetapkan bahawa Pegawai Daerah Jempol hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Jempol. Mukim—Rompin. Luas—934 meter persegi. No. Pelan *Warta*—PW 1774.

Bertarikh 3 Disember 2002.
[PTJL 370/8/95/03; PTG. NS. 1/7/7/111.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Balairaya of Kampung Jeram and designates that the District Officer at Jempol shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Jempol. Mukim—Rompin. Area—934 square metres. *Gazette* Plan No.—PW 1774.

Dated 3 December 2002.
[PTJL 370/8/95/03; PTG. NS. 1/7/7/111.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 59.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Gerai dan menetapkan bahawa Yang Dipertua Majlis Daerah Jempol hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Jempol. Bandar—Bahau. Luas—249 meter persegi. No. Pelan *Warta*—PW 1775.

Bertarikh 3 Disember 2002.
[PTJL 370/25/99/12; PTG. NS. 1/7/7/115.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Stall and designates that the President of Jempol District Council shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Jempol. Town—Bahau. Area—249 square metres. *Gazette* Plan No.—PW 1775.

Dated 3 December 2002.
[PTJL 370/25/99/12; PTG. NS. 1/7/7/115.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 60.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk RELA dan menetapkan

bahawa Pegawai Daerah Port Dickson hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Port Dickson. Pekan—Lukut. Luas—310 meter persegi. No. Pelan *Warta*—PW 1776.

Bertarikh 20 Disember 2002.
[PTPD 370/109/2001/P02.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for RELA and designates that the District Officer of Port Dickson shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Port Dickson. Village—Lukut. Area—310 square metres. *Gazette* Plan No.—PW 1776.

Dated 20 December 2002.
[PTPD 370/109/2001/P02.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 61.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Kolam Takungan dan menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Negeri Sembilan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Port Dickson. Mukim—Si Rusa. Luas—5,510 meter persegi. No. Pelan *Warta*—PW 1777.

Bertarikh 20 Disember 2002.
[PTPD 370/111/2002/05.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Retention Pond and designates that the Director of Drainage and Irrigation Department, Negeri Sembilan shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Port Dickson. Mukim—Si Rusa. Area—5,510 square metres. *Gazette* Plan No.—PW 1777.

Dated 20 December 2002.
[PTPD 370/111/2002/05.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 62.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Balairaya dan menetapkan bahawa Pegawai Daerah Port Dickson hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Port Dickson. Pekan—Telok Kemang. Luas—1.3523 hektar. No. Pelan Akui—PA 20471. No. Lot—2244.

Bertarikh 2 Januari 2003.
[PTPD 370/125/2002/05.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code, the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Balairaya and designates that the District Officer of Port Dickson shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Port Dickson. Village—Telok Kemang. Area—1.3523 hectares. Certified Plan No.—PA 20471. Lot No.—2244.

Dated 2 January 2003.
[PTPD 370/125/2002/05.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 63.

(Subseksyen 64(2))

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 64(2))

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 65 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 2 Februari 1950, pada menjalankan kuasa yang diberikan padanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah (Bab 138), dan melalui Ordinan

Pemindahan Kuasa 1948, Raja dalam Mesyuarat Negeri, Negeri Sembilan telah mengisytiharkan bahawa tanah Lot 3424 yang terletak di Mukim Terachi, Daerah Kuala Pilah seluas 1 ekar 1 rod 17 pol dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. 14997 yang disimpan di Pejabat Ukur Hasil, Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu rizab untuk Tapak Balai Penghulu di bawah senggaraan Pegawai Daerah Kuala Pilah:

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya sebahagian perizaban seluas 558 meter persegi yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan di suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban pada pukul 9.30 pagi pada 20 Februari 2003.

JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Terachi. No. Pelan *Warta*—PW 1418. Luas—558 meter persegi.

Bertarikh 20 Disember 2002.
[PTKP. 353/708/91/14;
PTG. NS. 1/4/2/33K.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Sembilan

Whereas, by Notification No. 65 published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* on 2 February 1950, in exercise of the powers conferred by section 24(i) of the Land Code (Cap. 138), and virtue of the Transfers of Powers Ordinance 1948, the Ruler in Council, Negeri Sembilan proclaimed that the land being Lot 3424 situated in the Mukim of Terachi, District of Kuala Pilah having an area of 1 acre 1 rood 17 poles and delineated upon Revenue Survey Plan No. 14997 deposited in the office of Superintendent of Revenue Surveys, Negeri Sembilan, to be a reserve for the purpose of a Penghulu's Balai to be maintained by the District Officer Kuala Pilah:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that part of the aforesaid reserve of 558 square metres be revoked:

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority give notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke part of the aforesaid reservation and that any person who desire to object against such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Negeri Sembilan at an enquiry to be held at the office of the Director of Lands and Mines, Negeri Sembilan, Block A, 4th Floor, Wisma Negeri, Seremban at 9.30 a.m. on 20 February 2003.

SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Terachi. *Gazette* Plan No.—PW 1418. Area—558 square metres.

Dated 20 December 2002.
[PTKP. 353/708/91/14;
PTG. NS. 1/4/2/33K.]

YAAKOP BIN RANTAU,
Clerk of the Executive Council,
Negeri Sembilan

No. 64.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN ATAU (SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICES OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Dokumen Hakmilik Keluaran mengenainya diakui hilang.

JADUAL

Mukim—Linggi. No. Lot—1202. Jenis dan No. Hakmilik—GM 725. Luas—0.7209 hektar.

Bertarikh 6 Januari 2003.
[PTPD. 259/01/03/02.]

Pengarah/Pentadbir Tanah Daerah,
Port Dickson

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below for the following reasons—

The Issue Document of Title has been declared lost.

SCHEDULE

Mukim—Linggi. Description and No. of Title—GM 725. Lot No.—1202. Area—0.7209 hectare.

Dated 6 January 2003.
[PTPD. 259/01/03/02.]

Registrar/District Land Administrator,
Port Dickson

No. 65.

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Dokumen Hakmilik Keluaran mengenainya diakui hilang.

JADUAL

Mukim—Pasir Panjang. No. Lot—3440. Jenis dan No. Hakmilik—GM 519.
Luas—0.9187 hektar.

Bertarikh 6 Januari 2003.
[PTPD. 259/01/03/03.]

Pengarah/Pentadbir Tanah Daerah,
Port Dickson

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below for the following reasons—

The Issue Document of Title has been declared lost.

SCHEDULE

Mukim—Pasir Panjang. Description and No. of Title—GM 519. Lot No.—
3440. Area—0.9187 hectare.

Dated 6 January 2003.
[PTPD. 259/01/03/03.]

Registrar/District Land Administrator,
Port Dickson

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

No. 66.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk tujuan awam, iaitu, untuk tambahan tapak Masjid Kariah Kampong Tengkek di Mukim Ulu Jempol, Daerah Kuala Pilah.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletakanya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim/Bandar—Ulu Jempol.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
			Hektar	Hektar
	GM			
1038	2126	Sainah bt Dumin	0.2681	0.0524
1041	880	Maimunah bt Mohd Yusof 5/6 bhg. dan Miaah bt Kio 1/6 bhg.	0.3237	0.0703
2054	1650	Sainah bt Dumin	0.3667	0.0574

Bertarikh 6 Januari 2003.
[PTKP. 362/110/2002/02;
PTG. NS. 1/11/2/9.]

ABU BAKAR BIN HASSAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

For a public purpose, that is, an additional site of Kampong Tengkek Mosque, Mukim of Ulu Jempol, District of Kuala Pilah.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business at the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Ulu Jempol.

Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
			Hectare	Hectare
	GM			
1038	2126	Sainah bt Dumin	0.2681	0.0524
1041	880	Maimunah bt Mohd Yusof 5/6 share and Miaah bt Kio 1/6 share	0.3237	0.0703
2054	1650	Sainah bt Dumin	0.3667	0.0574

Dated 6 January 2003.
[PTKP. 362/110/2002/02;
PTG. NS. 1/11/2/9.]

ABU BAKAR BIN HASSAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan

No. 67.**PENGISYTIHARAN JAWATAN**

Nama dan Pangkat	Jawatan yang Dilantik	Mulai dan Hal-hal Lain
Noor Ashah bt. Itam Othman Pegawai Perubatan Pentadbir (Gred U2)	Pegawai Kesihatan Daerah Port Dickson	1-11-2002. Menggantikan Dr. Koh Choo Nea yang bertukar ke Jabatan Pesakit Luar, Seremban

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA